

Pelbagai taktik jenayah kolar putih dilaporkan sepanjang 2015

Oleh Mohd Hasbi Sidek
 mohd.hasbi@hmetro.com.my
 Kuala Lumpur

Sebanyak RM2.4 bilion 'lesap' dilarikan penjenayah licik melalui pelbagai taktik jenayah kolar putih sepanjang 2015.

Angka dan nilai kerugian mengejutkan itu dicatatkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman membabitkan lima penipuan utama.

Jumlah direkodkan itu turut menunjukkan peningkatan 95.10 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu kerugian RM1billion

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Mortadza Nazarene berkata, 19,553 kertas siasatan dibuka sepanjang 2015 dan 14,127 kes (72 peratus) berkaitan

kes penipuan yang disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Manakala 2,612 kes atau 13 peratus membabitkan kesalahan mengikut kategori Pecah Amanah Jenayah (PAJ). Kes jenayah komersial lain dicatatkan adalah salah guna harta dengan curang

Statistik jenayah komersial yang dicatatkan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Sepanjang 2015

Jenayah	Bil kes	Kerugian (RM)
Penipuan + Africa Scam	14,127	1,164,813,138
Pecah amanah	2,612	1,136,027,385
Jenayah siber	438	38,802,298
Pemalsuan	148	14,271,123
Ah Long	953	31,302,620
Salah guna harta	84	2,281,891
Lain-lain	126	47,276,233
JUMLAH	19,553	2,434,774,558

(84 kes), pemalsuan (148 kes) kesalahan mengikut Akta Pemberi Pinjam Wang (953 kes) dan kes lain (1,191 kes).

"Jika dilihat dari aspek kerugian yang dicatatkan bagi kes penipuan, nilai kerugian dialami adalah RM1,164,813,138 atau 47.8 peratus daripada jumlah keseluruhan nilai kerugian.

"Daripada jumlah ini, RM199,985,057 kerugian membabitkan kes 'African Scam' dengan 1,526 kes dicatatkan," katanya ketika sidang media di Pejabat JSJK, di sini, semalam.

Menurut Mortadza, kerugian dicatatkan bagi kes PAJ adalah RM1,136,027,385 atau 46.6 peratus manakala selebihnya RM133,934,065

atau 5.5 peratus membabitkan jenayah siber, kes pemalsuan, ceti haram dan lain-lain kes.

"Selain kes itu, JSJK turut memberi tumpuan terhadap siasatan bagi kes jenayah siber memandangkan kemudahan siber dan Internet semakin kerap disalah guna sebagai medium untuk melakukan jenayah.

"Beberapa kejayaan juga dicapai JSJK dalam memerangi aktiviti ceti haram sepanjang tahun ini selain turut menumpaskan sindiket perniagaan yang tidak wujud serta menjanjikan pulangan yang lumayan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut menahan 7,019 individu kerana disyaki terabit dalam jenayah komersial dan 1,203 daripadanya adalah warga asing sepanjang 2015.

RM2.4 BILION

AYAT CINTA

Harianmetro
 21/1/2016
 mis 14



FAKTA

Lima penipuan utama direkodkan

Wanita mudah terpedaya

Kuala Lumpur: "I think about you all the time, you are the pulse in my veins now." (Saya teringatkan awak setiap masa, awak adalah nadi dalam urat saya).

Itu antara ayat cinta yang mengundang kerugian hampir RM200 juta sepanjang 2015 selepas kebanyakan mangsa golongan wanita ter-tipu dengan penipuan 'love scam' atau 'African Scam'.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Mortadza Nazarene berkata, pihaknya menerima 1,521 laporan kes penipuan cinta sepanjang 2015.

"Sindiket itu didalangi individu berasal dari Nigeria,

Uganda, Zimbabwe, Liberia, Sierra Leone dan Ivory Coast yang mula dikesan sejak 1995.

"Jenayah penipuan ini terus berlaku saban tahun dan jumlah kerugian meningkat tiga kali ganda tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Pada 2014, polis menerima 1,028 laporan kes membabitkan 'kerugian lebih RM52 juta,'" katanya pada sidang media di Pejabat JSJK, di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun banyak wanita menjadi mangsa kepada penipuan ini, namun jenayah sama terus berlaku.

"Polis melakukan kempen kesedaran dan pencegahan

berhubung bahaya 'African Scam' ini. Sayangnya masih ramai mudah diperdaya.

"Tambah mendukacitakan apabila golongan wanita kesepian, ibu tunggal dan tidak terkecuali golongan profesional dan wanita bergelar isteri dikesan menjadi mangsa," katanya.

Menurutnya, polis turut mengesan wanita tempatan yang berperanan sebagai ahli sindiket dan mereka dijadikan sebagai 'keldai' akaun bagi memindahkan wang mangsa ditipu.

"Terdapat antara mereka yang tinggal sebumbung bersama lelaki Afrika ini sehingga melahirkan anak tanpa ikatan sah" katanya.



ANTARA suspek sindiket penipuan siber.

Pikat guna foto lelaki kacak Eropah

Kuala Lumpur: Sindiket 'Cinta Afrika' dikesan menggunakan modal gambar lelaki Eropah kacak serta berjanji untuk berkahwin untuk memperdaya wanita tempatan.

Suspek kemudian akan menipu kononnya menghantar hadiah atau barangan berharga seperti emas, wang dan sebagainya melalui

khidmat kurier kepada mangsa di Malaysia.

Mangsa seterusnya diper-daya membayar pelbagai cukai selepas mendakwa hadiah dikirimkan itu ditahan pihak berkuasa kerana melanggar syarat atau peraturan ditetapkan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Mortadza Nazarene berkata, sindiket itu bagaimanapun ditahan polis baru-baru ini di Puchong dan Cyberjaya.

"Seramai 10 lelaki dan seorang wanita Afrika serta

seorang wanita tempatan yang berusia dari 24 hingga 40 tahun ditahan JSJK hasil maklumat dan risikan dilakukan.

"Hasil serbuan itu, polis turut merampas 19 kad pengeluaran wang automatik (ATM), 36 telefon pintar, 12

komputer riba dan pelbagai dokumen bagi tujuan penipuan," katanya pada sidang media di Pejabat JSJK, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya berjaya menyelesaikan 26 kes penipuan membabitkan kumpulan penjenayah itu.

"Mangsa dipercayai bera-sa malu, takut dan ada antaranya masih yakin hubu-

ngan dijalin melalui Internet itu adalah cinta sejati.

"Semua individu ditangkap akan diasiat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksyaan serta Akta Imigresen. Saya ingin menasihati wanita tempatan lebih berhati-hati dalam menjalinkan hubungan melalui Facebook, Tweeter dan Wechat," katanya.